

11 JAN 2003

ABDULLAH-JEPUN/I

MENTERI KEWANGAN JEPUN KUNJUNGI ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Malaysia dan Jepun sedang membincangkan usaha mewujudkan Pasaran Bon Asia, kata Menteri Kewangan Jepun, Masajuro Shiokawa, hari ini.

Katanya, perkara tersebut telah dibincangkan dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, awal hari ini, dan dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam satu pertemuan lain kemudiannya.

"Kami cuba mengutarakan gagasan tersebut," kata Shiokawa, kepada pemberita selepas mengunjungi Abdullah di sebuah hotel terkemuka di sini.

Shiokawa tiba di sini semalam bagi memulakan lawatan selama dua hari ke Malaysia.

Mereka bertemu selama setengah jam dan antara isu-isu yang dibincangkan ialah Asean + 3, Dasar Pandang Ke Timur, pasaran bon Asia dan Wawasan 2020.

Shiokawa juga mempelawa Abdullah untuk melawat Jepun.

Menyentuh tentang hubungan Malaysia-Jepun, beliau berkata, ia bukan hanya berdasarkan kepada bantuan pembangunan rasmi (ODA), malah hubungan dua hala ini boleh digambarkan dalam konteks persaudaraan.

Shiokawa, yang juga pengerusi Persatuan Jepun-Malaysia di Jepun, akan menemui pemimpin-pemimpin perniagaan Jepun di Malaysia.

Jepun dan Malaysia merupakan rakan perdagangan penting, manakala Tokyo merupakan antara pasaran eksport terbesar Malaysia.

Jepun menyerap sebanyak 10.6 peratus daripada eksport Malaysia pada bulan Oktober 2002, yang bernilai RM4.3 bilion.

Ini merupakan peningkatan sebanyak 6.3 peratus berbanding penyerapan eksport Malaysia pada bulan sebelumnya, terutamanya disebabkan oleh peningkatan import gas asli cecair, produk elektrik dan elektronik serta keluaran kayu (19.3 peratus).

Nilai import dari Jepun pada bulan Oktober tahun lalu berjumlah RM4.9 bilion. -- BERNAMA

LES SHO KY